

SISTEM PENGURUSAN INVENTORI

MOHAMMAD LUTFI BIN HARIS

ZAIHOSNITA BINTI HOOD

*Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia*

ABSTRAK

Pengurusan inventori merupakan satu proses untuk memastikan kuantiti atau stok semasa bagi sesuatu perniagaan seperti pemborong atau pembekal sentiasa mencukupi. Pengurusan inventori sangat penting untuk kelancaran perniagaan, dan ilmu pengurusan inventori diperlukan untuk memastikan bahawa rangkaian bekalan akan berfungsi tanpa tergendala. Pengurusan inventori melibatkan bukan hanya mengawal jumlah stok yang dimiliki tetapi melibatkan pengisian semula stok, pengurusan aset, kos inventori, ruang fizikal untuk inventori, pengembalian inventori, penilaian, dan ramalan harga masa depan. Sistem Pengurusan Inventori yang akan dibangunkan ini adalah bertujuan untuk membantu perniagaan mengubah sistem inventori manual sedia ada mereka kepada sistem yang lebih teratur, lengkap dan sistematik. Sistem yang akan merekodkan maklumat produk, transaksi keluar masuk inventori, keadaan inventori dan jumlah inventori. Sistem ini juga dapat merekodkan maklumat pelanggan kepada perniagaan tersebut. Oleh itu, sistem ini sesuai untuk kegunaan perusahaan perniagaan kecil sehingga sederhana.

Kata kunci: inventori, stok, rekod masuk, rekod keluar

PENGENALAN

Pengurusan inventori merupakan sebuah proses yang amat penting di dalam sesebuah perniagaan. Pengurusan inventori digunakan untuk menguruskan barang yang terdapat di dalam perniagaan. Setiap barang yang dibeli perlu direkodkan sebelum diproses untuk menjadi produk akhir dan sehingga jualan akhir. Dengan pengurusan inventori yang bagus, ia

dapat membantu sesebuah perniagaan untuk mengoptimumkan kos pengeluaran dan kecekapan sesebuah perniagaan dalam menguruskan barang.

Pada permulaan proses pengurusan stok, barang yang dipesan akan diterima di tempat simpanan barang. Kemudian, barang akan diperiksa dan diasingkan mengikut jenis untuk memudah proses rekod masuk barang. Barang yang telah diasingkan kemudiannya akan diperiksa secara berkala bagi memastikan stok barang mencukupi. Ini akan memudahkan syarikat memantau keberadaan barang dan mengurangkan risiko stok mati. Barang yang perlu dikeluarkan memerlukan semakan dari pihak kerani sebelum barang tersebut dikeluarkan dari gudang atau stor simpanan. Dengan wujudnya proses ini, syarikat akan dapat mengetahui secara tepat jumlah barang atau stok yang masih terdapat di dalam inventori dan sekiranya terdapat kekurangan barang di dalam inventori pihak syarikat akan dapat membuat pesanan barang dengan lebih awal.

Namun proses semasa yang tidak menggunakan teknologi maklumat dilakukan oleh pihak kerani telah menyebabkan beberapa rekod tercicir daripada proses tersebut. Penggunaan kepada buku rekod menyebabkan inventori syarikat tidak dapat dipantau dalam masa nyata. Malahan rekod tersebut boleh diubah jika tiada pemantauan atau proses semak dan imbang.

Dengan permasalahan yang dinyatakan di bawah, saya telah mencadangkan untuk membangunkan sebuah sistem pengurusan inventori. Dengan sistem yang akan dibangunkan ini dapat membantu dalam proses merekod keluar masuk barang, menyimpan maklumat barang yang terdapat di dalam inventori serta membuat analisa terhadap inventori.

METODOLOGI KAJIAN

Pembangunan sistem ini akan menggunakan metodologi Air terjun sebagai asas pembangunan. Metodologi ini dipilih kerana amat bersesuaian di dalam proses pembangunan sistem pengurusan inventori. Model Air terjun merupakan model yang memperlihatkan suatu proses pembangunan langkah demi langkah menurut turutan fasa. Model ini memerlukan fasa sebelumnya dilengkapi sebelum meneruskan ke fasa seterusnya. Terdapat 5 fasa di dalam metodologi ini iaitu fasa perancangan, fasa analisis, fasa reka bentuk, fasa implementasi dan

fasa pengujian. Metod ini dipilih kerana mempunyai fasa-fasa yang berterusan yang membuatkan ia mudah dipantau dan menjelaki kemajuan pembangunan sistem berikut.

Fasa Perancangan

Fasa Perancangan merupakan fasa yang penting dalam memulakan pembangunan sistem pengurusan inventori ini. Perkara penting dalam fasa ini adalah memahami lebih mendalam terhadap objektif, skop dan penyataan masalah. Fasa ini akan membincangkan keperluan pembangunan sistem yang akan mencapai objektif kajian.

Fasa Analisis

Analisis terhadap sistem adalah sangat penting bagi mengetahui kelemahan-kelemahan yang dihadapi oleh sistem semasa. Analisis terhadap sistem sedia ada akan dijadikan sebagai rujukan dan perbandingan sama ada memenuhi keperluan dan kehendak pengguna. Selain daripada analisis sistem sedia ada, kekangan yang bakal dihadapi dapat dikenalpasti dalam fasa ini.

Fasa Reka Bentuk

Fasa reka bentuk merupakan fasa dimana bermulanya proses teknikal pembangunan sistem. Di dalam fasa ini, ia akan mengenal pasti bagaimana sistem ini berfungsi dengan membina infrastruktur, perkakasan, perisian, antara muka, dan pangkalan data.

Fasa Implementasi

Dalam fasa implementasi, sistem pengurusan inventori akan dibina berpandukan reka bentuk yang telah di rancang. Fasa ini ini akan membangunkan kod program yang sebenar mengikut fungsi-fungsi yang akan dibangunkan. Fungsi-fungsi tersebut perlulah memenuhi permintaan pengguna selain memenuhi objektif pembangunan sistem ini.

Fasa Pengujian

Proses terakhir dalam model Air Terjun ini merupakan fasa pengujian. Fasa ini akan menguji sistem yang lengkap dibangunkan dengan pelbagai ujian untuk memastikan ianya tidak mempunyai ralat. Fasa ini juga menguji segala objektif dan skop pembinaan telah dipenuhi dan menjadi sebuah sistem yang bagus untuk sesebuah perniagaan. Sistem akan dilepaskan kepada pengguna setelah disahkan di fasa ini.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Sistem Pengurusan Inventori telah berjaya dibangunkan dan semua dokumentasinya telah dilengkappkan. Semasa proses pembangunan, sistem ini dibangunkan pengaturcaraan HTML dan PHP. Pangkalan data yang digunakan ialah pangkalan data MySQL. Bagi memastikan pengguna dapat menggunakan sistem ini tanpa perlu pengetahuan teknikal yang tinggi, sistem ini boleh dihost pada komputer awan seperti Microsoft Azure.

Rajah 1 merupakan antara muka laman utama bagi Sistem Pengurusan Inventori. Laman Utama ini hanya memaparkan pilihan menu “Login” sahaja jika pengguna sistem belum log masuk ke dalam sistem.



Rajah 1 Antara Muka Laman Utama

Rajah 2 memaparkan antara muka log masuk bagi Sistem Pengurusan Inventori ini. Log masuk akan menerima input “Username” dan “Password” untuk log masuk kepada sistem. Proses log masuk berikut akan menentukan peranan yang ada pada pengguna tersebut sama ada “Manager”, “Stock Admin” atau “Agent”.

Welcome!

Please enter your login details.

Username

S001


Password

.....

Login

Rajah 2 Antara Muka Log Masuk

Rajah 3 memaparkan antara laman utama setelah log masuk. Bagi peranan Pengurus, Pengurus akan mendapat akses kesemua modul yang diwujudkan. Melalui pilihan menu yang disediakan, Pengurus dapat memilih untuk modul Products, modul Vendors, modul Users, modul Stock In dan modul Stock Out. Bagi Pengurus Stok pula, modul yang boleh diakses sama seperti Pengurus cuma tiada akses kepada modul Users. Untuk Ejen pula, mereka hanya mempunyai akses kepada modul Products sahaja.



Rajah 3 Antara Muka Laman Utama Pengurus

Rajah 4 memaparkan antara muka bagi modul pengguna (Users). Dalam modul ini terdapat 2 bahagian iaitu bahagian atas untuk borang untuk menambah pengguna baru atau kemaskini maklumat pengguna. Bahagian bawah akan memaparkan senarai maklumat pengguna yang telah wujud dalam sistem. Antara muka ini akan menerima input seperti “User ID”, “Password”, “Name”, “Gender”, “Phone Number”, “Email address”, “Address” dan “Role”. Kesemua input ini akan disimpan di dalam tabel “tbl_user”. Rajah 5 pula memaparkan antara muka bagi kemaskini pengguna. Segala maklumat yang telah disimpan di dalam pengkalan data akan dipaparkan di dalam borang untuk dikemaskini.

New User

| | |
|--|---|
| User ID | <input type="text"/> |
| Password | <input type="password"/> |
| Name | <input type="text"/> |
| Gender | <input type="radio"/> Male <input type="radio"/> Female |
| Phone Number | <input type="text"/> |
| Email Address | <input type="text"/> |
| Address | <input type="text"/> |
| Role | <input type="text"/> |
| <input type="button" value="Create"/> <input type="button" value="Clear"/> | |

Users List

| User ID | Name | Gender | Phone Number | Email Address | Address | Role | Edit | Delete |
|---------|-------------|--------|--------------|------------------------|------------------------------------|-------------|-------------------------------------|---------------------------------------|
| S001 | Admin | Male | 01234567890 | admin@ims.com.my | Bandar Baru Bangi, Selangor | Manager | <input type="button" value="Edit"/> | <input type="button" value="Delete"/> |
| S002 | Ahmad Azizi | Male | 01234567890 | ahmad.azizi@ims.com.my | Kajang, Selangor | Stock Admin | <input type="button" value="Edit"/> | <input type="button" value="Delete"/> |
| S003 | Siti Ayu | Female | 01233311222 | siti.ayu@ims.com.my | Bandar Baru Salak Tinggi, Selangor | Agent | <input type="button" value="Edit"/> | <input type="button" value="Delete"/> |
| S004 | Khalid Aziz | Male | 01234567890 | khalid.aziz@ims.com.my | Bandar Baru Bangi | Manager | <input type="button" value="Edit"/> | <input type="button" value="Delete"/> |

Rajah 4 Antara Muka Modul Pengguna (User)

Edit User

| | |
|--|---|
| User ID | S001 |
| Password | <input type="password"/> |
| Name | Admin |
| Gender | <input checked="" type="radio"/> Male <input type="radio"/> Female |
| Phone Number | 01234567890 |
| Email Address | admin@ims.com.my |
| Address | Bandar Baru Bangi, Selangor |
| Role | Manager |
| <input type="button" value="Update"/> <input type="button" value="Clear"/> | |

Rajah 5 Antara Muka Kemaskini Pengguna (Edit User)

Rajah 6 memaparkan antara muka bagi modul pembekal (Vendors). Modul ini memerlukan input seperti “Vendor ID”, “Vendor Name”, “Phone Number”, “Email Address” dan “Address”. Kesemua input ini akan disimpan di dalam tabel “tbl_vendor”. Rajah 7 pula memaparkan antara muka bagi kemaskini pembekal. Segala maklumat yang telah disimpan dalam pengkalan data akan dipaparkan di dalam borang untuk dikemaskini.

IMS Home

Add New Vendor

| | |
|--|----------------------|
| Vendor ID | <input type="text"/> |
| Vendor Name | <input type="text"/> |
| Phone Number | <input type="text"/> |
| Email Address | <input type="text"/> |
| Address | <input type="text"/> |
| <input type="button" value="Create"/> <input type="button" value="Clear"/> | |

Vendors List

| Vendor ID | Name | Phone Number | Email Address | Address | Action |
|-----------|---------------------------|--------------|--------------------------|---|--------|
| V001 | SH Tyre Sdn Bhd | 0144505471 | sh_tyre@gmail.com | Taman Kajang Impian, Kajang, Selangor | |
| V002 | Grand Auto & Part Sdn Bhd | 0333207692 | admin@grandauto.com.my | Seksyen 16, Bandar Baru Bangi, Selangor | |
| V003 | MR Absorber Warehouse | 0305555557 | warehouse@mrabsorber.com | Bandar Baru Bangi | |
| V004 | IM Workshop | 0322411111 | im.workshop@gmail.com | Balakong | |
| V005 | IMS Workshop | 0322411111 | ims.workshop@gmail.com | Bangi | |
| V006 | Lutfi Workshop | 0123456789 | lutfi@ims.com.my | Bangi | |

Rajah 6 Antara Muka Modul Pembekal (Vendor)

Edit Vendor

| | |
|---------------|--|
| Vendor ID | V001 |
| Vendor Name | SH Tyre Sdn Bhd |
| Phone Number | 0344563471 |
| Email Address | shtyre@gmail.com |
| Address | Taman Kajang Impian, Kajang, Selangor |

Rajah 7 Antara Muka Kemaskini Pembekal (Edit Vendor)

Rajah 8 memaparkan antara muka bagi modul produk (Products). Produk merupakan senarai barang yang diperniagakan dan disimpan sebagai inventori. Antara muka ini akan menerima input seperti “Product ID”, “Name”, “Brand”, “Type”, “Car Brand”, “Car Model”, “Part Position”, “Remarks” dan “Minimim Stock”. Kesemua input ini akan disimpan di dalam tabel “tbl_product”. Rajah 9 pula memaparkan antara muka bagi kemaskini maklumat produk. Segala maklumat yang telah disimpan di dalam pengkalan data akan dipaparkan di dalam borang untuk dikemaskini. Senarai produk pada bahagian bawah hanya memaparkan sebahagian maklumat yang disimpan sahaja. Untuk maklumat lanjut, pilih butang “Details” dan ia akan memaparkan lebih banyak maklumat produk dan inventori produk tersebut. Rajah 10 merupakan antara muka yang dipaparkan bagi maklumat lanjut produk.

IMS Home Welcome, S001 Menu ▾

New Product

| | |
|---------------|----------------------|
| Product ID | <input type="text"/> |
| Name | <input type="text"/> |
| Brand | <input type="text"/> |
| Type | <input type="text"/> |
| Car Brand | <input type="text"/> |
| Car Model | <input type="text"/> |
| Part Position | <input type="text"/> |
| Remarks | <input type="text"/> |
| Minimum Stock | <input type="text"/> |

Products List

| Product ID | Name | Brand | Type | Action |
|------------|---|-----------|---------------------|---|
| P001 | ProExpert Heavy Duty Absorber Proton Saga / Iswara - Front | ProExpert | Heavy Duty Absorber | <input type="button" value="Delete"/> <input type="button" value="Edit"/> <input type="button" value="Delete"/> |
| P002 | ProExpert Heavy Duty Absorber Proton Saga / Iswara - Rear | ProExpert | Heavy Duty Absorber | <input type="button" value="Delete"/> <input type="button" value="Edit"/> <input type="button" value="Delete"/> |
| P003 | ProExpert Heavy Duty Absorber Proton Wira / Satra 1.3 1.5 - Front | ProExpert | Heavy Duty Absorber | <input type="button" value="Delete"/> <input type="button" value="Edit"/> <input type="button" value="Delete"/> |
| P004 | ProExpert Heavy Duty Absorber Proton Wira / Satra 1.3 1.5 - Rear | ProExpert | Heavy Duty Absorber | <input type="button" value="Delete"/> <input type="button" value="Edit"/> <input type="button" value="Delete"/> |
| P005 | ProExpert Heavy Duty Absorber Proton Waja / Gen2 / Wira Satra 1.6 1.8 / Wira SE - Front | ProExpert | Heavy Duty Absorber | <input type="button" value="Delete"/> <input type="button" value="Edit"/> <input type="button" value="Delete"/> |
| P006 | ProExpert Heavy Duty Absorber Proton Waja / Gen2 / Wira Satra 1.6 1.8 / Wira SE - Rear | ProExpert | Heavy Duty Absorber | <input type="button" value="Delete"/> <input type="button" value="Edit"/> <input type="button" value="Delete"/> |
| P007 | ProExpert Heavy Duty Absorber Proton Persona 2007-2015 - Front | ProExpert | Heavy Duty Absorber | <input type="button" value="Delete"/> <input type="button" value="Edit"/> <input type="button" value="Delete"/> |
| P008 | ProExpert Heavy Duty Absorber Proton Persona 2007-2015 - Rear | ProExpert | Heavy Duty Absorber | <input type="button" value="Delete"/> <input type="button" value="Edit"/> <input type="button" value="Delete"/> |
| P009 | ProExpert Heavy Duty Absorber Proton Perdana - Front | ProExpert | Heavy Duty Absorber | <input type="button" value="Delete"/> <input type="button" value="Edit"/> <input type="button" value="Delete"/> |

Rajah 8 Antara Muka Modul Produk

Edit Product

| | |
|---------------|---|
| Product ID | <input type="text" value="P001"/> |
| Name | <input type="text" value="ProExpert Heavy Duty Absorber Proton Saga / Iswara - Front"/> |
| Brand | <input type="text" value="ProExpert"/> |
| Type | <input type="text" value="Heavy Duty Absorber"/> |
| Car Brand | <input type="text" value="Proton"/> |
| Car Model | <input type="text" value="Saga / Iswara"/> |
| Part Position | <input type="text" value="Front"/> |
| Remarks | <input type="text"/> |
| Minimum Stock | <input type="text" value="6"/> |

Rajah 9 Antara Muka Kemaskini Produk

The screenshot shows a 'Product Details' section with the following data:

| Product Details | |
|--|--|
| Below are specifications of the product. | |
| Product ID | P001 |
| Name | ProExpert Heavy Duty Absorber Proton Saga / Iswara - Front |
| Brand | ProExpert |
| Type | Heavy Duty Absorber |
| Car Brand | Proton |
| Car Model | Saga / Iswara |
| Position | Front |
| Minimum Stock | 6 |
| Current Stock | 6 |
| Total Stock In | 6 |
| Total Stock Out | 6 |
| Pending Stock Out | 6 |
| Remarks | |

[Back](#)

Rajah 10 Antara Muka Maklumat Lanjut Produk

Rajah 11 memaparkan antara muka bagi modul stok masuk (Stock In). Antara muka ini memerlukan pengguna untuk memasukkan maklumat seperti “Product”, “Vendor”, “Remarks” dan “Quantity”. Atribut “Product” akan merujuk kepada senarai produk yang terdapat pada modul produk dan atribut “Vendor” akan merujuk kepada senarai vendor yang telah didaftarkan di modul pembekal. Kesemua input ini akan disimpan di dalam tabel “tbl_stockin”. Rajah 12 pula memaparkan antara muka bagi maklumat lanjut stok masuk. Pada antara muka ini akan dapat melihat identiti bagi setiap produk yang unit merujuk kepada kod bar yang perlu dihasilkan.

The screenshot shows the 'Stock In' module with the following fields:

| Stock In | |
|-----------------|------|
| User ID | S001 |
| Product | |
| Vendor/Supplier | |
| Remarks | |
| Quantity | |

[+ Create](#) [Clear](#)

Stock In History

| ID | Timestamp | Product | Quantity | Action |
|------------|---------------------|---|----------|-------------------------|
| SI00000001 | 2024-05-10 07:38:13 | ProExpert Heavy Duty Absorber Proton Saga / Iswara - Front | 5 | Details |
| SI00000002 | 2024-05-10 13:56:15 | ProExpert Heavy Duty Absorber Proton Saga / Iswara - Rear | 10 | Details |
| SI00000003 | 2024-06-11 22:20:18 | ProExpert Heavy Duty Absorber Proton Saga / Iswara - Front | 10 | Details |
| SI00000004 | 2024-07-18 00:40:31 | ProExpert Heavy Duty Absorber Perodua Kancil - Front | 30 | Details |
| SI00000005 | 2024-07-18 00:51:36 | ProExpert Heavy Duty Absorber Proton Saga BLMFL / Savvy - Front | 20 | Details |
| SI00000006 | 2024-07-18 10:31:38 | ProExpert Heavy Duty Absorber Proton Exora - Front | 10 | Details |

Rajah 11 Antara Muka Modul Stok Masuk

The screenshot shows a 'Stock In Details' page with the following details:

| Stock In Details | | |
|------------------|---|-----------|
| ID | SI00000001 | |
| Timestamp | 2024-06-10 07:38:13 | |
| User | S001 (Admin) | |
| Product | P001 (ProExpert Heavy Duty Absorber Proton Saga / Iswara - Front) | |
| Vendor | V003 (M1 Absorber Warehouse) | |
| Quantity | 5 | |
| Remarks | | |
| Item Code | Item Code | Status |
| P001-00000001 | | Out Stock |
| P001-00000002 | | Out Stock |
| P001-00000003 | | Out Stock |
| P001-00000004 | | In Stock |
| P001-00000005 | | In Stock |

[Back](#)

Rajah 12 Antara Muka Maklumat Lanjut Stok Masuk

Rajah 13 memaparkan antara muka bagi modul stok keluar (Stock Out). Modul ini akan menerima input Remark dan juga identiti inventori. Jika terdapat pelbagai produk yang ingin dibawa keluar, boleh masukkan juga dengan menekan butang "Add Items". Kesemua input ini akan disimpan di dalam tabel "tbl_stockout". Proses juga akan mengemaskini tabel "tbl_product_extended" untuk status stok tersebut. Rajah 14 pula memaparkan antara muka bagi maklumat lanjut stok keluar. Segala maklumat yang telah dimasukkan akan dipaparkan di dalam antara muka berikut.

The screenshot shows a 'Stock Out' page with the following fields:

- User ID: S001
- Remarks: (empty text area)
- Item: A table with columns #, Product Code, and a search icon. Row 1: #1, Product Code: (empty).
- Buttons: +Add Item, Submit, Clear

Stock Out History

| ID | Timestamp | Staff | Remarks |
|------------|---------------------|-------|-------------------------|
| SO00000001 | 2024-07-16 16:40:47 | S002 | Details |
| SO00000002 | 2024-06-13 01:41:12 | S001 | Details |
| SO00000003 | 2024-07-18 00:41:42 | S001 | Details |
| SO00000004 | 2024-07-18 00:42:27 | S001 | Details |
| SO00000005 | 2024-07-18 00:52:17 | S001 | Details |
| SO00000006 | 2024-07-18 10:32:54 | S001 | Details |

Rajah 13 Antara Muka Modul Stok Keluar

| Stock Out Details | |
|-------------------|--|
| ID | S00000002 |
| Timestamp | 2024-06-13 01:41:12 |
| User | S001 (Admin) |
| Remarks | |
| Item Code | Product Name |
| P001-00000001 | ProExpert Heavy Duty Absorber Proton Saga / Iswara - Front |
| P001-00000002 | ProExpert Heavy Duty Absorber Proton Saga / Iswara - Front |
| P001-00000003 | ProExpert Heavy Duty Absorber Proton Saga / Iswara - Front |

[Back](#)

Rajah 14 Antara Muka Maklumat Lanjut Stok Keluar

Pengujian Kebolehgunaan

Pengujian sistem merupakan fasa terakhir dalam pembangunan sistem. Pengujian ini dilakukan untuk menguji dan mengetahui masalah yang mungkin akan berlaku semasa menggunakan Sistem Pengurusan Inventori ini. Setiap fungsi yang dibangunkan perlu diuji bagi memastikan ia memenuhi kehendak pengguna dan mengikut proses prosedur sedia ada.

Jadual 4.1 Keputusan Ujian Fungsi

| Fungsi ID | Fungsi | Sub-Fungsi ID | Sub-Fungsi | Penerangan Fungsi | Keputusan | Status Insiden |
|-----------|------------------------------------|---------------|--------------------------|--|-----------|----------------|
| F001 | Fungsi Direktori Pengguna | F001-S01 | Menambah Pengguna | Pengguna dapat mewujudkan akaun pengguna baru | Berjaya | Tiada |
| | | F001-S02 | Kemaskini akaun Pengguna | Pengguna dapat mengemaskini akaun yang diwujudkan | Berjaya | Tiada |
| | | F001-S03 | Menghapus Akaun Pengguna | Pengguna dapat menghapuskan akaun yang telah wujud | Berjaya | Tiada |
| | | F001-S04 | Semakan senarai pengguna | Pengguna dapat melihat senarai akaun yang telah diwujudkan | Berjaya | Tiada |
| F002 | Fungsi Direktori Vendor / Pembekal | F002-S01 | Menambah pembekal | Pengguna dapat mewujudkan maklumat pembekal baru | Berjaya | Tiada |
| | | F002-S02 | Kemaskini pembekal | Pengguna dapat mengemaskini maklumat pembekal | Berjaya | Tiada |
| | | F002-S03 | Menghapus pembekal | Pengguna dapat menghapuskan maklumat pembekal | Berjaya | Tiada |
| | | F002-S04 | Semakan senarai pembekal | Pengguna dapat melihat senarai pembekal yang telah diwujudkan. | Berjaya | Tiada |

| | | | | | | |
|------|-------------------------|----------|---|---|---------|-------|
| F003 | Fungsi Direktori Produk | F003-S01 | Penambah produk | Pengguna dapat mewujudkan maklumat produk baru | Berjaya | Tiada |
| | | F003-S02 | Kemaskini Produk | Pengguna dapat mengemaskini maklumat produk | Berjaya | Tiada |
| | | F003-S03 | Menghapus produk | Pengguna dapat menghapuskan maklumat produk | Berjaya | Tiada |
| | | F003-S04 | Semakan senarai produk | Pengguna dapat melihat senarai produk yang dibekalkan | Berjaya | Tiada |
| F004 | Fungsi Stok Masuk | F004-S01 | Merekod Stok Masuk | Pengguna dapat merekodkan Stok Masuk | Berjaya | Tiada |
| | | F004-S02 | Menghasilkan barkod untuk setiap produk | Sistem akan menghasilkan barkod sebagai identiti inventori | Gagal | Buka |
| | | F004-S03 | Melihat rekod Stok Masuk | Pengguna dapat melihat rekod stok masuk | Berjaya | Tiada |
| F005 | Fungsi Stok Keluar | F005-S01 | Merekod Stok Keluar | Pengguna dapat merekodkan Stok Keluar | Berjaya | Tiada |
| | | F005-S02 | Membaca Barkod | Sistem dapat membaca barkod identiti inventori | Gagal | Buka |
| | | F005-S03 | Melihat rekod Stok Keluar | Pengguna dapat melihat rekod Stok Keluar | Berjaya | Tiada |
| F006 | Fungsi Log Masuk | F006-S01 | Fungsi Pengurus | Memastikan Pengurus berjaya log masuk kepada sistem dan melakukan proses yang dibenarkan sahaja | Berjaya | Tiada |
| | | F006-S02 | Fungsi Pengurus Stok | Memastikan Pengurus Stok Berjaya log masuk kepada sistem dan melakukan proses yang dibenarkan sahaja | Berjaya | Tiada |
| | | F006-S03 | Fungsi Pengguna Biasa | Memastikan Pengguna Biasa berjaya log masuk kepada sistem dan melakukan proses yang dibenarkan sahaja | Berjaya | Tiada |
| F007 | Fungsi Log Keluar | F007-S01 | Log Keluar | Semua pengguna log keluar daripada sistem dan tiada akses kepada sistem. | Berjaya | Tiada |

Jadual 4.1 merupakan senarai fungsi yang telah dibangunkan dan akan diuji sama ada maklumat yang diterima dapat diproses oleh sistem. Ujian yang dilakukan adalah untuk menyemak semua peranan dan objektif sistem ditepati. Segala ujian akan direkod seperti di Jadual 4.2 terhadap fungsi-fungsi yang disenaraikan. Segala ralat yang dikesan semasa mengujian akan direkodkan di dalam laporan insiden supaya mudah untuk mengenalpasti status pembetulan yang akan dilakukan.

Jadual 4.2 Templat Laporan Kes Ujian

| | |
|--------------|---|
| ID Kes Uji | TC-F001-S01-001 |
| ID Fungsi | F001-S01 |
| Objektif | Pengguna dapat mewujudkan akaun pengguna baru |
| Arahan | <p>1. Masukkan maklumat seperti berikut:</p> <p>User ID: S004 Password: P@ssw0rd Name: Khairul Azizi Gender: Male Phone Number: 0123456789 Email Address: khairul@ims.com.my Address: Bandar Baru Bangi Role: Manager</p> <p>2. Klik Submit dan pastikan akaun berjaya diwujudkan.</p> |
| Keputusan | Berjaya / Gagal |
| Maklum balas | |

Jadual 4.3 Templat Laporan Insiden

| | |
|----------------|---|
| ID Insiden | INC-F004-S02-001 |
| ID Kes Uji | TC-F004-S02-001 |
| ID Fungsi | F004-S02 |
| Objektif | Menghasilkan barkod untuk setiap produk |
| Status Insiden | Buka |
| Masalah | Produk ID telah berjaya diwujudkan yang akan menjadi rujukan untuk menghasilkan barkod, tetapi tiada barkod yang dipaparkan. |
| Semakan | Kod javascript yang digunakan tidak berfungsi. Kod sumber berasaskan versi php yang lama dan kurang dokumentasi untuk penggunaan javascript tersebut. |
| Ujian Semula | TC-F004-S02-002 - Gagal |
| Maklum balas | Perlu menukar kod javascript yang berlainan. |

Cadangan Penambahbaikan

Selepas menjalankan kajian yang menyeluruh, cadangan untuk menambahbaik permainan serius ini pada masa hadapan adalah dengan mengembangkan permainan serius ini kepada Melihat kepada kemampuan sistem ini, adalah lebih baik jika ia dapat diteruskan pada masa akan datang. Pelbagai teknologi baru dan proses yang boleh ditambah baik dalam memastikan sistem ini terus relevan untuk digunakan dan dapat membantu kelancaran syarikat. Antara cadangan yang boleh dilakukan ialah:

- a) Memperbaiki segala kelemahan dan maklum balas sistem yang ada.
- b) Membina fungsi tempahan bagi Pengguna Biasa.
- c) Membina antara muka yang mesra telefon pintar.
- d) Memlakukan intergrasi kepada sistem syarikat yang lain sistem perakaunan, pengurusan pelangan atau sistem jualan.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, Sistem Pengurusan Inventori ini telah berjaya dibangunkan dan mencapai objektif-objektif yang telah ditetapkan semasa proses analisis. Sistem ini dilihat dapat menguruskan proses keluar masuk inventori dengan lebih efektif dan sistematik. Sistem Pengurusan Inventori ini juga berjaya meningkatkan produktiviti kerja dan urusan yang lebih lancar.

Kekuatan Sistem

Merujuk kepada hasil kajian yang telah dilakukan terhadap Sistem Pengurusan Inventori yang telah dilakukan, terdapat beberapa maklum balas yang diterima sebagai kelebihan jika menggunakan Sistem Pengurusan Inventori ini antaranya Sistem ini membantu syarikat dalam mendigitalisasi beberapa proses manual supaya lebih maju. Selain itu, pengguna sistem dapat merekodkan segala transaksi inventori dengan lebih tepat. Agen jualan dapat mengetahui status

inventori semasa tanpa perlu merujuk kepada Pengurus Stok Pengguna dapat menguruskan maklumat pembekal dan produk dengan lebih baik

Kelemahan Sistem

Setiap sistem mempunyai kelemahan yang perlu diperbaiki bagi memastikan sistem beroperasi dengan baik. Oleh itu, terdapat beberapa kelemahan yang dikenalpasti dalam Sistem Pengurusan Inventori ini. Antara kelemahan tersebut adalah tiada rekod pemulangan barang jika terdapat kesilapan pesanan atau kerosakan. Untuk masa ini, bagi kesilapan pesanan akan membuat proses rekod stok masuk semula tetapi tiada proses bagi kerosakan inventori. Fungsi barkod yang masih tidak berfungsi dengan baik. Fungsi ini amat diperlukan untuk memudahkan proses stok keluar tanpa perlu pengguna menaip id inventori tersebut. Tiada fungsi laporan yang lengkap boleh dihasilkan.

Kelemahan sistem ini dilihat sebagai kekurangan dalam membangunkan sistem. Kekurangan ilmu dan sumber rujukan untuk melaksanakan proses tersebut membuatkan ia tidak dapat dilengkappkan dalam masa ini.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kepada Allah dengan limpah kurniaaNya memberikan saya daya upaya kesihatan fizikal dan mental, kematanagan fikiran dan ketenangan jiwa untuk menyempurnakan kajian ini dengan jayanya. Sekalang penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada penyelia saya Dr Zaihsnita Binti Hood diatas segala bimbingan, tunjuk ajar dan idea-idea beliau dalam pembangunan Sistem Pengurusan Inventori ini. Tanpa sokongan, tunjuk ajar dan teguran beliau, sistem ini mungkin tidak dapat dibangunkan dengan sempurna. Penghargaan ini ditujukan juga kepada semua pensyarah-pensyarah terutamanya dari Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (FTSM) yang telah memberikan ilmu yang bermanfaat sepanjang pengajian saya di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Penghargaan yang tidak terhingga ditujukan khusus buat ibu saya, Puan Asiah binti Tajul Ariffin, isteri saya, Puan Nur Amira Binti Abd Rasid dan keluarga saya yang tercinta dia kerana telah banyak memberi dorongan dan kasih sayang serta memahami perjuangan demi mencapai kejayaan.

Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada rakan seperjuangan di atas kerjasama dan bantuan yang telah diberikan sepanjang pengajian ini. Saya juga ingin memohon maaf kepada semua pihak sekiranya terdapat salah dan silap yang saya lakukan sepanjang pengajian ini berlangsung.

RUJUKAN

- Abby Jenkins. 2020. What is Inventory Management? Benefits, types & techniques.
<https://www.netsuite.com/portal/resource/articles/inventory-management/inventory-management.shtml> [18 September 2020].
- Adam Hayes. 2023. Inventory Management Defined, Plus Methods and Techniques.
<https://www.investopedia.com/terms/i/inventory-management.asp> [28 March 2023].
- Altexsoft. 2021. *Inventory Management Software: How Technology Addresses Inventory-Related Issues*. <https://www.altexsoft.com/blog/inventory-management-software/> [2 Jun 2021]
- Amit Samsukha. 2023. *How to Build an Inventory Management System?*
<https://www.emizentech.com/blog/inventory-management-system.html> [24 November 2023]
- George Krivoruchko. 2021. *How to Create an Inventory Management System Fitting Your Needs*. <https://procoders.tech/blog/how-to-make-inventory-management-software/> [20 Ogos 2021]
- Sarah Laoyan. 2022. *Everything you need to know about waterfall project management*.
<https://asana.com/resources/waterfall-project-management-methodology> [12 Januari 2022]
- Microsoft. 2021. *Hardware requirements for Windows Server*.
<https://learn.microsoft.com/en-us/windows-server/get-started/hardware-requirements> [24 Disember 2021]
- Milit Panchasara. 2023. *Inventory Management System: A Quick Guide Highlighting Features, Types, Pros & Cons*. <https://radixweb.com/blog/what-is-inventory-management-system> [23 November 2023]
- Nazar Kvartalnyi. 2023. *Inventory Management Software – A Full Guide*.
<https://inoxsoft.com/blog/how-to-develop-an-innovative-inventory-management-software/> [14 Febuari 2023]
- Oleksii Kholodenko. 2023. *INVENTORY MANAGEMENT SOFTWARE DEVELOPMENT GUIDE*. <https://codeit.us/blog/inventory-management-software-development> [5 Disember 2023]